



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 ( 54 )  
Tarikh : 20 Disember 2019

Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 15 TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH BAGI MATA  
PELAJARAN ALIRAN KEMAHIRAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT  
BERMULA DI TINGKATAN 4 PADA TAHUN 2020**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Mata Pelajaran Aliran Kemahiran (MPAK) secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2020 pada peringkat menengah atas dan aliran kemahiran di kolej vokasional (KV).

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bil. 2/2017 bertarikh 9 September 2017 telah meluluskan pelaksanaan KSSM MPAK pada peringkat menengah atas di bawah Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di sekolah menengah kebangsaan (SMK) serta aliran kemahiran di KV bermula pada tahun 2020.

...3. Mata pelajaran yang terlibat dan peruntukan masa minimum jam setahun dalam pelaksanaan KSSM MPAK pada peringkat menengah atas di bawah PVMA adalah seperti di **Lampiran 1**, PIMA adalah seperti di **Lampiran 2** manakala aliran kemahiran di KV adalah seperti di **Lampiran 3**.

4. Selain MPAK, murid yang mengikuti PVMA dan PIMA di SMK juga perlu mengambil mata pelajaran KSSM Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan mata pelajaran vokasional atau bidang kemahiran yang dipilih. Bagi murid aliran kemahiran di KV mereka mengambil mata pelajaran bagi kursus yang ditawarkan di institusi masing-masing.
5. Pelaksanaan MPAK dan mata pelajaran KSSM Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah hendaklah menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Semua DSKP boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (<http://bpk.moe.gov.my>).
6. Pelaksanaan KSSM MPAK di SMK dan KV akan menggunakan peruntukan Geran Per Kapita (PCG) mata pelajaran KSSM Matematik, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral bagi menengah atas mengikut surat pekeliling kewangan semasa yang sedang berkuat kuasa.
7. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berpandukan Standard Prestasi (SP) yang dinyatakan dalam DSKP. Templat perekodan dan pelaporan boleh dimuat turun dari laman sesawang BPK (<http://bpk.moe.gov.my>) mulai 20 Disember 2019.
8. Surat siaran ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2020.
9. Surat siaran ini perlu dibaca secara bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2015 bertarikh 5 Oktober 2015: Pelaksanaan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Surat Siaran 12 September 2017 : Pelaksanaan Program Perantisan Industri Menengah Atas di Sekolah Menengah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia, Garis Panduan PVMA di Sekolah Menengah Kebangsaan Tingkatan 4 dan 5 dan Garis Panduan Program PIMA.

10. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ tuan/puan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM**

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir
11. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Lampiran 1**

Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Minimum Jam Setahun yang Ditawarkan di Sekolah yang Menawarkan PVMA

BIL.	Mata Pelajaran	Minimum Jam Setahun	Catatan
i	Bahasa Melayu	128	Mata Pelajaran Teras
ii	Bahasa Inggeris	112	
iii	Sejarah	64	
iv	Matematik Aliran Kemahiran	64	Mata Pelajaran Aliran Kemahiran
v	Pendidikan Islam Aliran Kemahiran	85	
	Pendidikan Moral Aliran Kemahiran	64	
vi	Vokasional	560	Modul Kemahiran PVMA

**Lampiran 2**

Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Minimum Jam Setahun yang Ditawarkan di Sekolah yang Menawarkan PIMA

BIL.	Mata Pelajaran	Minimum Jam Setahun	Catatan
i	Bahasa Melayu	128	Mata Pelajaran Teras
ii	Bahasa Inggeris	112	
iii	Sejarah	64	
iv	Matematik Aliran Kemahiran	64	Mata Pelajaran Aliran Kemahiran
v	Pendidikan Islam Aliran Kemahiran	85	
	Pendidikan Moral Aliran Kemahiran	64	
vi	Latihan di Industri	24 jam /seminggu (3 hari x 8 jam)	Latihan Kemahiran di Industri

### Lampiran 3

Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Minimum Jam Setahun yang Ditawarkan di Kolej Vokasional yang Menawarkan Aliran Kemahiran

BIL.	Mata Pelajaran	Minimum Jam Setahun	Catatan
i	Bahasa Melayu	128	Mata Pelajaran Teras
ii	Sejarah	64	
iii	Matematik Aliran Kemahiran	64	Mata Pelajaran Aliran Kemahiran
iv	Pendidikan Islam Aliran Kemahiran	85	
	Pendidikan Moral Aliran Kemahiran	64	
v	Bahasa Inggeris Aliran Kemahiran	64	
vi	Berdasarkan Keperluan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)		